

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Okttober/November 1992

RPK 141 - Penempatan Manusia

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

Soalan BAHAGIAN A, Soalan WAJIB dan TIGA soalan daripada BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. Sebagai seorang pengkaji Petempatan Manusia, anda ditugaskan mengkaji sebuah petempatan sama ada di bandar atau di desa.

Huraikan kerangka yang anda akan gunakan dan bincangkan elemen-elemen penting yang perlu dikaji.

(25 markah)

BAHAGIAN B

2. Apakah yang dimaksudkan dengan susunlapis sosial dan ekonomi?

Bincangkan hujah-hujah yang menyokong dan menolak keadaan ketidaksamaan dalam masyarakat.

(25 markah)

3. "Kegiatan ekonomi merupakan kegiatan asas kepada setiap masyarakat". Bincangkan.

(25 markah)

. . . 2/-

4. Gariskan tahap-tahap pembandaran yang dialami oleh negara Malaysia.

Bincangkan proses pembandaran semasa zaman penjajahan dan kesannya kepada pembentukan petempatan manusia di Malaysia.

(25 markah)

5. (a) Huraikan ciri-ciri utama yang membezakan struktur sesebuah bandar.

- (b) Berdasarkan teori-teori yang anda ketahui, bincangkan struktur dalaman bandar daripada segi:-

- i. Kepadatan penduduk
- ii. Nilai tanah di bandar
- iii. Status sosio ekonomi penduduk

(25 markah)

6. Berdasarkan ciri-ciri petempatan luar bandar, banyak pendapat menyatakan bahawa pembangunannya agak ketinggalan berbanding dengan petempatan bandar.
Bincangkan.

(25 markah)

7. Bincangkan dan bandingkan peranan sektor swasta dan sektor awam dalam pembangunan di sesebuah negara.

(25 markah)

-0000000-